



**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN  
BILANGAN 1 TAHUN 2015**

**NASIHAH, PANDANGAN ATAU  
ULASAN BERKAITAN DENGAN  
ISU UNDANG-UNDANG**

---

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KEDAH  
WISMA NEGERI, 05576 ALOR SETAR

---

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN  
BILANGAN 1 TAHUN 2015**

---

**NASIHAT, PANDANGAN ATAU ULASAN BERKAITAN DENGAN  
ISU UNDANG-UNDANG**

**1. TUJUAN**

Tujuan pekeling ini adalah untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Daerah dan Penolong Pegawai Undang-Undang berhubung dengan nasihat, pandangan atau ulasan berkaitan dengan isu undang-undang.

**2. LATAR BELAKANG**

2.1 Pentadbiran Pejabat Pengarah Tanah dan Galian (PTG) telah diarahkan oleh YB. Dato' Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah supaya sebarang pertanyaan yang berkaitan dengan tanah hendaklah dirujuk kepada Pegawai Undang-Undang PTG dan bukannya secara langsung kepada Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Kedah. Arahan ini adalah selaras dengan kehendak Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri melalui surat bertarikh 15 April 2013 yang mana beliau mengingatkan bahawa sebarang rujukan kepada pegawai di Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri hendaklah melalui YB. Penasihat Undang-Undang Negeri sendiri dan bukannya sewenang-wenangnya merujuk terus kepada mana-mana pegawai daripada Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri tanpa kebenaran YB. Penasihat Undang-Undang Negeri.

2.2 Di antara skop tugas Pegawai Undang-Undang adalah untuk memberikan pandangan dan nasihat berhubung dengan hal ehwal perundangan tanah dari semasa ke semasa. Selain itu, pentadbiran ini juga telah mewujudkan satu Panel Undang-Undang bagi memastikan kelancaran pengendalian urusan yang memerlukan rujukan dan menepati garis panduan hal ehwal perundangan berkaitan tanah.

2.3 Sebarang tindakan yang melibatkan Perintah yang bertentangan dengan Kanun Tanah Negara juga perlulah melalui PTG untuk tindakan selanjutnya. Sehubungan dengan itu, tuan/puan adalah diarahkan untuk merujuk semua hal ehwal perundangan dengan Pegawai Undang-Undang atau Panel Undang-Undang di PTG ini terlebih dahulu untuk dirujuk ke Pejabat Penasihat Undang-Undang (sekiranya perlu).

### 3. PEMAKAIAN

Pekeliling ini adalah terhad kepada Pentadbir Tanah Daerah, Penolong Pentadbir Tanah Daerah dan Penolong Pegawai Undang-Undang Negeri Kedah Darul Aman.

### 4. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai dari tarikh ia dikeluarkan.



**(DATIN PADUKA DATO' HAJJAH CHE BARNI BT. HJ. MOHD NOOR,  
DSDK., AMK., BCK., BPL.)**

Pengarah Tanah Dan Galian  
Negeri Kedah Darul Aman.

Bertarikh : 14 hb. Rabiulawal, 1436

Bersamaan : 5 hb. Januari, 2015